MADA

# LAPORAN LIPUTAN MEDIA

## RABU / 7 NOVEMBER 2018

1. **SEKTOR PERTANIAN MASIH MENJADI FOKUS KERAJAAN**
   - **SINAR HARIAN**

2. **JARING KECEWA BAJET 2019**
   - **SINAR HARIAN**

3. **PERUNTUKAN MOA DALAM BELANJAWAN 2019 MEMBERANGSANGKAN**
   - **KOSMO**

4. **PERTANIAN BANDAR BANTU UBAH NASIB GOLONGAN TERPINGGIR**
   - **KOSMO**

5. **MEMBANGUNKAN PERTANIAN ORGANIK**
   - **UTUSAN MALAYSIA**

6. **AGRO SECTOR GET SHOT IN THE ARM FROM ‘EXPANSIONARY’ BUDGET**
   - **NEW STRAITS TIME**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT**

**(MADA)**

**KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN**

**TARIKH : 7 NOVEMBER 2018**

**PERKARA : PERTANIAN**

---

# Sektor pertanian masih menjadi fokus kerajaan

**PUTRAJAYA** - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) menerima peruntukan belanjawan dengan jumlah amat memberangsangkan bagi tahun 2019 iaitu sebanyak RM 4.417 billion.

Jumlah itu membuktikan sektor pertanian terus menjadi fokus utama kerajaan dan tidak mengabaikan usaha untuk terus memajukan sektor pertanian negara, meningkatkan produktiviti dan pendapatan golongan sasarnya yang terdiri daripada petani, penternak dan nelayan.

Kementerian itu dalam satu kenyataan berkata, daripada jumlah peruntukan tersebut, perbelanjaan mengurus adalah sebanyak RM3.057 billion, manakala, perbelanjaan pembangunan adalah sebanyak RM1.360 billion.

Menurutnya, kementerian juga telah menggariskan beberapa keutamaan khususnya dalam sektor pertanian dalam agihan peruntukan Belanjawan 2019.

"Antaranya adalah penumpuan terhadap pembangunan bagi sektor pertanian adalah sebanyak RM47 juta untuk kajian dan pembangunan (R&D) bagi meningkatkan produktiviti benih, bijirin dan buah-buahan

"Sejumlah RM18 juta untuk automasi industri agromakanan, RM52 juta untuk pelaksanaan program keusahawanan dan latihan industri tani termasuk bagi menarik penglibatan golongan muda menceburi sektor agromakanan dimana RM20 juta diperuntukan untuk membangunkan Agropreneur Muda, pertambahan RM5 juta berbanding 2018.

"Turut diberikan penumpuan adalah pakej Insentif Bersasar Nelayan berjumlah RM98.5 juta dan RM215 juta diperuntukkan kepada Mardi, tambahan RM3 juta berbanding tahun 2018," kata kenyataan tersebut.

SH 7.11.18

**KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN**

**TARIKH : 7 NOVEMBER 2018**

**PERKARA : PERTANIAN**



HUBUNGI SKUAD KUBANG PASU ROSHILA MURNI ROSLI - 019 6120523 / 019 474 7065

# Jaring kecewa Bajet 2019

*Dakwa belanjawan pinggirkan nasib golongan nelayan*

ROSHILA MURNI ROSLI

JITRA



CHE ANI



SAARIN



Seorang nelayan di Kuala Jerlun yang baru sahaja pulang dari laut bersama hasil tangkapannya.

Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (Jaring) kecewa dengan pembentangan Belanjawan 2019 pada Jumaat lalu yang didapati tidak menyebut mengenai golongan nelayan secara jelas.

Timbalan Pengerusinya, Che Ani Md Zain berkata, berdasarkan sumber terdekat, beberapa peruntukan terhadap nelayan dipotong contohnya elaun sara hidup nelayan dan insentif hasil tangkapan yang hanya diperuntukkan sebanyak RM98,500.

Katanya, ia berbeza dengan Bajet 2018 yang memperuntukkan sebanyak RM262,000 bagi perkara ini.

"Jika dibuat perbandingan, jumlah ini menunjukkan kekurangan sebanyak 62.4 peratus iaitu RM163,500 bagi elaun sara hidup untuk 56,000 nelayan yang layak," katanya.

Menurutnya, secara tidak langsung Jaring mendapati Belanjawan 2019 telah meminggirkan golongan nelayan yang berjumlah 130,000 orang di seluruh negara.

"Sudahlah nelayan pada masa ini menghadapi bebanan kos sara hidup yang tinggi selain kenaikan harga barang.

"Malah kami turut mengalami kekurangan hasil selain ancaman pencerobohan bot pukat tunda yang sering merosakkan alat-alat tangkapan dan ekosistem perikanan.

"Siapa lagi yang nak membela nasib kami, sedangkan kerajaan sendiri seperti menganaktirikan golongan nelayan, walhal nelayan juga adalah salah satu penyumbang kepada industri makanan negara," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Jaring Zon Utara, Saarin Osman pula berkata, Jaring berharap ada pihak yang tampil memberi penjelasan mengenai isu belanjawan berkenaan.

"Adakah benar dalam Belanjawan 2019, isu kebajikan kami langsung tidak disentuh? Ini kerana dari sumber tertentu katanya bajet masih ada, tetapi tidak dinyatakan secara terperinci," katanya.

Dalam pada itu, Saarin berkata, sekiranya kerajaan ingin membuat pemutihan ke atas elaun sara hidup nelayan mereka tidak dapat menghalangnya.

"Namun dalam masa yang sama kami menggesa supaya kerajaan membatalkan elaun sara hidup nelayan pukat tunda juga.

"Hal ini kerana ia selaras dengan hasrat kerajaan untuk membatalkan lesen pukat tunda secara berperingkat sehingga tahun 2020," katanya

**info**

**Berdasarkan sumber terdekat, Jaring mendakwa beberapa peruntukan terhadap nelayan dipotong contohnya elaun sara hidup nelayan dan insentif hasil tangkapan yang hanya diperuntukkan sebanyak RM98,500**

**KERATAN AKHBAR : KOSMO**

**TARIKH : 7 NOVEMBER 2018**

**PERKARA : PERTANIAN**

# Peruntukan MOA dalam Belanjawan 2019 memberangsangkan



PERTANIAN merupakan sektor penting negara yang diberi tumpuan dalam pembentangan Belanjawan 2019. - Gambar hiasan

**PUTRAJAYA** – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) menerima peruntukan dalam jumlah amat memberangsangkan dalam Belanjawan 2019 untuk terus memajukan sektor pertanian negara serta meningkatkan produktiviti dan pendapatan golongan sasar.

Menurut kenyataan MOA semalam, kementerian itu menerima peruntukan RM4.417 bilion dengan RM3.057 bilion daripadanya bagi perbelanjaan mengurus manakala perbelanjaan pembangunan RM1.36 bilion.

Katanya, lima tumpuan utama dalam sektor pertanian tahun depan iaitu kajian dan pembangunan produktiviti benih, bijirin dan buah-buahan; automasi industri agromakanan; program keusahawanan dan latihan industri; pembangunan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia serta pakej Insentif Bersasar Nelayan.

"Peningkatan peruntukan pembangunan oleh kerajaan merupakan salah satu langkah untuk memastikan sektor pertanian, penternakan dan perikanan negara akan terus dibangunkan dengan mapan.

"Selain itu, ia bagi memastikan bekalan makanan adalah selamat dan mencukupi serta boleh didapati dengan harga berpatutan," kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan tersebut, menerusi belanjawan itu, MOA serta agensi di bawahnya seperti Agro Bank bakal mendapat modal yang lebih banyak untuk membantu para petani dan nelayan dalam aspek pembiayaan, pengembangan perusahaan dan perniagaan sedia ada.

Ujarnya, MOA juga dalam peringkat akhir mereformasikan mekanisme pemberian subsidi dan insentif kepada sektor industri padi dan beras negara bagi mencapai matlamat pelaksanaan pemberian subsidi yang lebih bersasar.

**KERATAN AKHBAR : KOSMO**

**TARIKH : 7 NOVEMBER 2018**

**PERKARA : PERTANIAN**



INFINITI
INOVASI • SAINS • GAJET

# Pertanian bandar bantu ubah nasib golongan terpinggir

MAHANOM

ROSAZLIN

USAHA membanteras dadah oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) bukan sahaja terhad kepada penguatkuasaan undang-undang di bawah akta-akta yang diperuntukkan tetapi turut melibatkan aktiviti rehabilitasi kepada penyalahgunaan dadah.

Program sebegini menjadi pelengkap kepada inisiatif yang dilaksanakan di pusat-pusat rawatan dan pemulihan di seluruh negara.

Sehubungan itu, sekumpulan penyelidik Universiti Malaya dari Pusat Asasi Sains dan Institut Sains Biologi, Fakulti Sains, Universiti Malaya (UM) telah bekerjasama dengan AADK dalam penganjuran sebuah bengkel pertanian bandar bersama sekumpulan 60 Orang Kena Pengawasan (OKP) di Klang, baru-baru ini.

"Program ini bertujuan memberi pendedahan asas mengenai pertanian bandar kepada golongan yang sering dipinggirkan dalam masyarakat kerana stigma negatif masyarakat terhadap mereka.

"Secara tidak langsung, mereka boleh menggunakan ilmu ini bagi mengurangkan kos sara hidup yang semakin meningkat sekarang," kata **Pensyarah Pusat Asasi Sains UM yang juga penyelaras program, Dr. Mahanom Jalil.**

Para peserta yang berusia antara 18 dan 60 tahun itu telah didedahkan dengan kemahiran menanam anak pokok pisang dan cili menggunakan kaedah fertigasi.

Menurut **Pensyarah Institut Sains Biologi UM, Dr. Rosazlin Abdullah,** kaedah penanaman sebegini amat sesuai untuk pertanian bandar kerana kurang bergantungan pada tanah.

"Selain itu, ia juga mempunyai peratus tumbesaran yang tinggi kerana bekalan nutrien dan galian yang mencukupi untuk setiap tanaman," ujarnya yang bertanggungjawab sebagai tenaga pengajar program tersebut.

RONA *alam*

**Sisa pertanian**

Menariknya, para peserta turut didedahkan dengan kaedah penghasilan bioarang daripada bahan-bahan buangan organik termasuklah sisa pertanian.

Bioarang yang terhasil boleh dijadikan baja bagi membantu tumbesaran tanaman yang ditanam oleh para peserta kelak.

"Saya amat tertarik dengan komponen penghasilan biocarang dalam program ini kerana secara tidak langsung ia telah mendedahkan para peserta mengenai kepentingan pemeliharaan alam sekitar oleh setiap ahli masyarakat.

"Komponen sebegini memberi peluang kepada OKP yang mengambil bahagian untuk terus menimba ilmu walaupun telah menghabiskan zaman persekolahan," ujar **Ketua Daerah AADK Klang, Selangor, Baharudin Ahmad@Nasiman** yang turut mengikuti program.

Mahanom berkata, bimbingan ilmu keusahawanan kepada para peserta yang berminat juga boleh menjadikan mereka sebagai usahawan tani pada masa akan datang dan mengubah kehidupan mereka.

"Justeru, ia juga boleh dijadikan sebagai jalan bagi membina persepsi positif kepada OKP di mata ahli masyarakat yang lain," ujarnya. Program ini telah menerima dana geran penyelidikan komuniti dari Pusat Komuniti dan Kelestarian UM (UMCares) dan turut bekerjasama dengan Pusat Penyelidikan Bioteknologi Pertanian (Cebar) UM.

Anak pokok pisang yang dibekalkan untuk pertanian Bandar bersama OKP itu telah dihasilkan menerusi penyelidikan kultur tisu di Cebar.

ORANG Kena Pengawasan boleh menggunakan ilmu pertanian untuk mengurangkan kos sara hidup.

BIOARANG boleh dijadikan baja untuk tumbesaran tanaman.

## Meditasi legakan tekanan

APP *pilihan*

MEDITASI dan Bunyi oleh Verv merupakan aplikasi merehatkan minda yang menawarkan muzik santai dan menenangkan.

Ia bertujuan untuk meningkatkan keyakinan diri, melegakan tekanan, melawan kemurungan dan kebimbangan akibat masalah yang membelenggu diri dalam pelbagai aspek kehidupan.

Aplikasi ini sedia menemani anda ketika menghadapi detik sukar. Ia didatangkan dalam lima bahasa iaitu bahasa Inggeris, Sepanyol, Perancis, Portugis dan Rusia.

Pengguna boleh memilih sekolah meditasi seperti untuk tidur yang nyenyak dan melegakan tekanan dengan pelbagai bunyi alam.

Terdapat 50 pilihan bunyi yang menenangkan seperti bunyi laut, ombak, hujan dan muzik santai.

Menariknya, terdapat kategori istimewa yang dipenuhi dengan melodi santai khas untuk mereka yang mengalami masalah sukar tidur.

Turut dimuatkan tip bermeditasi kepada mereka yang baharu berjinak-jinak menerusi kaedah itu.

Selain itu nasihat berasaskan sains dan kursus meditasi seperti kebimbangan, kreativiti, kebahagiaan, menguruskan tekanan, produktiviti, hubungan dan pengurangan berat badan.

Meditasi dan Bunyi oleh Verv boleh dimuat turun secara percuma tetapi pengguna juga boleh melanggan untuk mendapatkan kandungan premium.

TERDAPAT 50 bunyi yang menenangkan untuk meditasi.

MEDITASI dan Bunyi oleh Verv merupakan aplikasi untuk menenangkan minda.

PENGGUNA boleh memilih sama ada bunyi untuk melegakan tekanan atau tidur lebih nyenyak.

**KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA**

**TARIKH : 7 NOVEMBER 2018**

**PERKARA : PERTANIAN**

---







# Membangunkan pertanian organik

Oleh INTAN SUHANA CHE OMAR

TAHUKAH anda, penggunaan bahan kimia dalam bidang pertanian seperti tanaman sayuran dan buah-buahan sebenarnya memberikan efek yang negatif kepada tubuh badan?

Semburan bahan kimia secara berterusan untuk mengekalkan kesegaran dan ciri-ciri kosmetik buah-buahan dan sayuran menyebabkan berlakunya peningkatan kandungan bahan kimia dalam hasil pertanian.

Justeru, kandungan bahan kimia ini akan memberikan kesan sampingan kepada pengguna iaitu ia mampu menggalakkan pertumbuhan sel kanser dalam tubuh manusia sekiranya tidak dinyahtoksikkan dengan baik sebelum dijual di pasaran.

Disebabkan itu, pertanian organik sangat penting dalam menjamin kesejahteraan dan kesihatan tubuh badan untuk terus kekal sihat tanpa sebarang jangkitan kuman berbahaya yang boleh memudaratkan kesihatan.

Malaysia untuk tanaman serta yang pertama mendapat sijil organik untuk ayam kampung ternak lepas dan telur ternak lepas.

Menurut Pengarah Urusannya, **Norhana Pettire**, konsep perladangan yang dilaksanakan ialah pertanian lestari mengikut sunnatullah yang memanfaatkan penggunaan bahan-bahan di persekitaran sebagai sumber nutrien tanaman seperti pengkomposan sisa ladang dan ternakan.

Katanya, semua bahan semburan antiperosak dan antipenyakit tanaman dihasilkan sendiri oleh syarikatnya menggunakan tanaman semula jadi yang boleh didapati di sekitar ladang.

"Semburan untuk serangga perosak dan penyakit dihasilkan sendiri di ladang kami dengan menggunakan tumbuh-tumbuhan herba yang juga ditanam di sini.

"Antara tumbuhan yang digunakan ialah serai, buah pinang dan pelbagai lagi tumbuhan herba hutan yang mempunyai manfaat yang baik untuk melindungi pokok daripada serangan serangga perosak," katanya.

Sehingga hari ini, syarikat bumiputera ini sahaja yang menjual ayam kampung peliharaan bebas secara komersial kepada pasar raya besar dengan jenama sendiri iaitu Almasyhur dan *DQ Clean Chicken*.

Jelasnya, pencapaian terbaik syarikatnya ialah mendapat anugerah Usahawan Penternak Bukan Ruminan Jaya Peringkat Negeri 2009 serta memasarkan ayam kampung berjenama yang pertama di pasaran sejak tahun 2005.

"Ayam kampung ini diternak dengan cara belaan bebas dan diberi makan cacing yang dihasilkan oleh lalat *Black Soldier Fly* yang diternak sendiri di kawasan ladang.

"Permintaan ayam organik ini sangat tinggi dalam kalangan kaum Cina dan penghidap penyakit kanser yang mengamalkan amalan pemakanan sihat," jelasnya.

Gambar MOHD NAIM AZIZ

RUMAH kompos untuk meneutralkan kandungan sekam di ladang organik DQ Farm.

SALAH satu kawasan ladang organik DQ Farm di Jalan Persekutuan Bentong, Gombak, Selangor.



ULAT BSF yang telah menjalani proses pembiakan di ladang organik DQ Farm.

ANTARA baja organik yang dihasilkan pemilik ladang organik DQ Farm.

NORHANA Pettire memberi penerangan tentang tempat penyembelihan ayam secara sistematik.

**Skim Organik Malaysia (SOM)**

- Skim pensijilan yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian bagi memberi pengiktirafan kepada ladang yang mengamalkan perladangan organik berpandukan Malaysian Standard (MS 1529:2001 (Bagi Pengeluaran, Memproses, Pelabelan dan Pemasaran Tanaman Makanan Organik).

**Malaysian Organic (myOrganic)**

- Penjenamaan semula Skim Organik Malaysia (SOM) dalam memberi pengiktirafan kepada ladang yang diusahakan secara organik berpandukan MS 1529:2015

**Objektif**

- Sebagai alat atau tenis kepada Sistem Pengembangan Teknologi Pertanian (SPTP) Jabatan Pertanian.
- Menjadi amalan pengusaha di dalam menjalankan aktiviti di ladang supaya menghasilkan keluaran organik yang lebih berkualiti dan selamat untuk dimakan

**Kelebihan**

- Menghasilkan produk-produk pertanian yang dijamin berkualiti dan selamat dimakan (bebas daripada racun makhluk perosak dan logam berat).
- Memelihara alam sekitar.
- Keselamatan serta kebajikan pekerja ladang terjamin.
- Meningkatkan produktiviti pengeluaran.
- Hasil pertanian mudah dikenali dan dapat bersaing di pasaran domestik dan antarabangsa.

## Usaha berterusan

BERKONGSI pengalamannya lebih lanjut, **Norhana Pettire** berkata, menguruskan ladang organik bukan satu perkara yang mudah.

Jelasnya, berbanding agrokimia, ia memerlukan tenaga manusia yang banyak untuk memastikan hasil pertanian bebas daripada racun perosak mahupun bahan-bahan kimia yang akan memberikan kesan negatif kepada tubuh badan serta alam sekitar.

"Banyak perkara kita kena buat sendiri dan fikir alternatif lain untuk melawan penyakit tanaman tanpa menggunakan bahan kimia sedia ada.

"Hasil daripada usaha keras itu kami telah berjaya mengeluarkan hasil tanaman organik yang pertama iaitu durian organik dan tembikai organik," ujarnya.

Selain itu, mengenai perancangan masa hadapan, Norhana berkata, pihaknya mahu membuka restoran nasi ayam organik memandangkan beliau mempunyai bekalan ayam sendiri.

Katanya, pembukaan restoran dapat memberikan pendapatan tambahan kepada perniagaannya selain dapat membekalkan makanan berasaskan ayam organik sihat kepada umum.

> "Hasil daripada usaha keras itu kami telah berjaya mengeluarkan hasil tanaman organik yang pertama iaitu durian organik dan tembikai organik."

NORHANA PETTIRE menunjukkan peta proses kitaran hidupan ladang.

**KERATAN AKHBAR : NEWS STRAITS TIME**

**TARIKH : 7 NOVEMBER 2018**

**PERKARA : PERTANIAN**

---

ALLOCATION

# Agro sector gets shot in the arm from 'expansionary' budget

**PUTRAJAYA:** The Agriculture and Agro-based Industry Ministry has been given an encouraging allocation in 2019 Budget to develop the agriculture sector, and to increase the productivity and income of farmers, breeders and fishermen.

The ministry yesterday said it was allocated RM4.417 billion, with RM3.057 billion for operating expenditure and the remaining for development.

It said the increase in development allocation was to ensure the agriculture, livestock and fisheries sectors would continue to be developed, and that food supply would be adequate and could be obtained at reasonable prices.

"Through these measures, the ministry and its agencies, like Agro Bank, will get more capital to help farmers and fishermen in financing and business expansion."

The ministry said the main focus of the agriculture sector next year was research and development. This included increasing productivity of seedlings and fruits, involving an allocation of RM47 million, while RM18 million would be for automation of the agro-food industry.

Apart from that, the ministry said RM52 million was allocated for the implementation of entrepreneurship and agriculture training programmes to attract young people to venture into the agro-food sector.

The ministry said RM215 million was allocated to the Malaysian Agricultural Research and Development Institute, RM3 million more compared with this year, and RM98.5 million for the Fishermen Financing Incentive package.

The ministry described the 2019 Budget as "expansionary", adding that the allocation would ensure its aid and strategic subsidies benefited the target group.

The ministry is in the final stage of reforming the mechanism on the subsidy and incentives for padi and rice production. **Bernama**